

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
PADA PEMBUKAAN PETI TALIPON SUNGAI
TIANG, KEDAH PADA 28HB SEPTEMBER, 1961

Datuk,

Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Datuk dan juga Pejabat Talikom kerana telah berjaya membina satu peti talipon di rancangan tanah baharu Kerajaan di Sungai Tiang. Peti talipon ini adalah satu kemudahan yang Kerajaan Perikatan bercadang hendak memberi ke kampong-kampong yang mustahak. Saya harap dengan adanya peti talipon di Sungai Tiang ini penduduk-penduduk Sungai Tiang dapatlah mempunyai satu kemudahan yang mustahak yang boleh menyenargkan mereka itu berutus dengan tempat-tempat lain jika ada perkara-perkara yang mustahak.

Dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar, Kerajaan Perikatan, Kerajaan berazam hendak memberi segala kemudahan-kemudahan yang patut kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Begitu juga Kerajaan bercadang hendak memberi tanah yang cukup luas bagi pendapatan seseorang itu kepada penduduk-penduduk di luar bandar yang tidak mempunyai tanah bagi mata pencarian mereka itu. Sungai Tiang ini ialah satu rancangan yang seperti itu, dan sekarang ini ada dua puluh sembilan rancangan-rancangan besar semacam Sungai Tiang dan Kerajaan telah bercadang menempatkan lebih kurang 9,200 kelamin di rancangan-rancangan tanah. Saya harap kepada penduduk-penduduk Sungai Tiang yang telah bernasib baik mendapat tanah dan kediaman yang baharu akan menumpukan sepenuh-penuh usaha dan tenaganya bagi menjayakan tanah itu supaya dapat mengeluarkan hasil yang memuaskan. Begitu juga saya berhadap kepada penduduk-penduduk Sungai Tiang supaya menjalankan ikhtiar-ikhtiar bagi membesar dan meluaskan mata pencarian masing-masing supaya tuan-tuan semua dapat mempunyai taraf hidup yang lebih sempurna dan lebih bahagia daripada yang ada sekarang ini. Bagi pihak Kerajaan sedia akan memberi pertolongan yang patut bagi mengadakan kemudahan-kemudahan yang dikehendaki daripada satu masa ke satu masa.